KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	8/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	TNB			

Empangan TNB selesai isu rakyat

Kosmo 08.11.2021_38

PETALING JAYA – Pembinaan empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang yang dijangka beroperasi pada 2026 bukan sahaja menyokong aspirasi kerajaan meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE), malah menyelesaikan beberapa isu demi kesejahteraan rakyat.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, projek itu berpotensi mengatasi isu banjir, menyediakan pengairan lebih baik dan sumber air bersih serta merangsang aktiviti ekonomi tempatan.

"Sebagaimana empangan lain milik TNB di Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Sungai Perak dan Kenyir, empangan Nenggiri bakal memberi manfaat tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh.

"Ia juga berupaya membantu Kerajaan Negeri Kelantan mengatasi isu pembekalan air bersih serta pengairan untuk pertanian dan membuka peluang pekerjaan ketika pembinaannya serta mewujudkan peluang ekonomi baharu di tasik takungan utama.



TAKIYUDDIN (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian Projek Hidroelektrik Nenggiri antara Ahmad (kiri) dan Baharin di Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu minggu lalu.

"Seperti dibuktikan di Tasik Banding, Perak (Empangan Temengor) dan Tasik Kenyir, Terengganu (Empangan Sultan Mahmud), penduduk akan meraih manfaat ekonomi terutamanya dari sektor pelancongan, rekreasi, pertanian, perniagaan kecil serta pembangunan prasarana," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam sempena majlis pertukaran dokumen perjanjian projek dan penyerahan cek pampasan di Pejabat Menteri Besar Kelantan, minggu lalu.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Projek hidroelektrik Nenggiri bernilai RM5 bilion bakal menyalurkan 300 megawatt (MW) kepada Grid Nasional apabila siap.

Kapasiti penjanaan elektrik TNB di Semenanjung ketika ini merangkumi 18 peratus hidroelektrik (2,536 MW), 0.6 peratus solar (80 MW), 48.2 peratus arang batu (6,800 MW) dan 33.3 peratus gas (4,702.43 MW).

Menurut Baharin, komuniti Orang Asli yang terlibat secara langsung dengan projek tersebut, khususnya dari Pos Pulat, Pos Tohoi dan Kampung Wias akan dipindahkan ke penempatan baharu dengan infrastruktur serta keperluan asas yang lebih baik.

"Mereka turut dibantu pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan jabatan kerajaan lain," tambahnya.